

HEBAHAN PENAWARAN PROGRAM DIPLOMA PASCASISWAZAH PENDIDIKAN DAN PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN KEMASUKAN OKTOBER 2023 DI UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA)

Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) akan menawarkan **Kemasukan Pelajar Baharu Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (DPP) dan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian (ISMPPI)** bagi Sesi Akademik 2023/2024 pada bulan **Oktober 2023**. Kami membuka pelawaan ini kepada semua yang berkelayakan dan berminat untuk menyertai program DPP dan ISMPPI di UniSZA.

Makluman

Program DPP ditawarkan secara sepenuh masa dan kelas sepanjang pengajian akan diadakan pada setiap hujung minggu. Tempoh pengajian ini adalah SETAHUN.

Program ISMPPI ditawarkan secara separuh masa dan mod pengajian adalah Pengajian Jarak Jauh. Tempoh pengajian adalah EMPAT (4) TAHUN.

- Penawaran **program DPP** akan dilaksanakan di:
 - I) UniSZA Kampus Gong Badak
 - II) UniSZA@Putrajaya
- Penawaran **program ISMPPI** hanya dilaksanakan di UniSZA Putrajaya.
- Penawaran Program Pendidikan DPP dan ISMPPI ini adalah berbentuk **Open Market (Pasaran Terbuka)** dan **tiada jaminan penempatan** di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), selepas menamatkan pengajian

- Hanya empat (4) sahaja opsyen/elektif major/minor yang ditawarkan bagi program DPP iaitu. Pemohon dikehendaki membuat pilihan elektif berdasarkan Ijazah pertama yang diperolehi. Pemilihan elektif adalah seperti berikut:
 - i) Pendidikan Islam dan Bahasa Arab atau ;
 - ii) Matematik dan Teknologi Maklumat.

PENTING!

Sebelum mengisi permohonan, pemohon dikehendaki menyediakan semua dokuman dibawah untuk **upload** dalam sistem permohonan:

- i) Gambar (saiz passport) (**FORMAT JPEG**)
- ii) Salinan Kad Pengenalan yang disahkan (**FORMAT JPEG**)
- iii) Salinan Ijazah yang disahkan (**FORMAT PDF**)
- iv) Salinan Transkrip yang disahkan (**FORMAT PDF**)
- v) Salinan Sijil MUET yang disahkan (bagi permohonan program ISMPPI) (**FORMAT PDF**)
- vi) Surat Pengesahan Majikan (bagi yang sedang dalam perkhidmatan) (**FORMAT JPEG**)

Sebarang maklumat lanjut boleh menghubungi :

Pn. Nur Alia Mamat : 09-6688659

Pn. Wan Norzilawati Wan Omar : 09-6688399

Pn. Hadibah Jabbar : 09-6688655